

---

## PERKHIDMATAN PENERBANGAN CHARTER KARGO OLEH SYARIKAT PENERBANGAN ASING (*FOREIGN CHARTER*)

### 1. TUJUAN

1.1 Tujuan diadakan perkhidmatan penerbangan *charter* oleh syarikat penerbangan asing adalah **untuk membolehkan sesebuah syarikat penerbangan asing membawa masuk kargo-kargo dari luar negara ke Malaysia**. Perkhidmatan *charter* akan dapat menyokong perkhidmatan penerbangan berjadual secara *niche* seperti berikut:

- a) perkhidmatan *charter* membolehkan perkhidmatan penerbangan diadakan ke laluan-laluan yang tidak disediakan operasi oleh syarikat penerbangan berjadual yang berkaitan dengan kargo (termasuk *combi* atau *belly-space cargo*); dan
- b) perkhidmatan *charter* juga membolehkan perkhidmatan penerbangan diadakan ke laluan-laluan berjadual yang mempunyai batasan kekerapan penerbangan berjadual disebabkan kekangan hak trafik. Sebagai contoh bagi laluan penerbangan Bandar Seri Begawan – Johor Bahru, syarikat-syarikat penerbangan Brunei hanya dibenarkan untuk mengadakan penerbangan 7 kali seminggu sahaja. Sekiranya hak trafik telah digunakan sepenuhnya oleh syarikat-syarikat penerbangan

Brunei dan pada masa yang sama terdapat permintaan pasaran untuk kargo mengadakan penerbangan dari Brunei ke Malaysia, maka penerbangan *charter* dari Brunei pada masa puncak didapati dapat berfungsi untuk menyokong perkhidmatan penerbangan berjadual. Dalam hubungan ini, perkhidmatan *charter* juga dilihat dapat bertindak untuk menyokong perkhidmatan penerbangan berjadual. Dengan ini adalah diharapkan perkhidmatan penerbangan *charter* dapat memangkinkan lagi perkembangan sektor logistik negara.

## **2. KELAYAKAN PEMOHON**

**2.1 Hanya syarikat penerbangan asing yang berdaftar dan memiliki *Air Operator's Certificate (AOC)* yang dikeluarkan oleh negara masing-masing sahaja yang layak memohon menyediakan perkhidmatan penerbangan *charter* bagi membawa kargo ke Malaysia.**

## **3. SYARAT-SYARAT**

**3.1 Perkhidmatan penerbangan *charter* tidak boleh memberi persaingan kepada perkhidmatan berjadual dengan menawarkan perkhidmatan penerbangan yang menyerupai ciri-ciri perkhidmatan penerbangan berjadual seperti berikut:**

- a) mempunyai jadual perjalanan yang tetap dan berkala seperti penerbangan berjadual; dan
- b) tempahan ruangan kargo dibuat oleh lebih daripada satu pelanggan (*freight forwarders*).

3.2 Perkhidmatan penerbangan *charter* kargo adalah secara *point-to-point basis* dan membawa kargo *one-off* sahaja. Sebagai contoh syarikat penerbangan hanya dibenarkan untuk membawa kargo bagi laluan Balik Papan - Kuala Lumpur sahaja.

3.3 Tidak boleh *uplift* kargo Malaysia ke luar negara kecuali setelah mendapat *no-objection letter* daripada semua syarikat penerbangan kargo berjadual Malaysia. Sebagai contoh, bagi laluan Balik Papan – Kuala Lumpur, penerbangan pulang dari Kuala Lumpur ke Balik Papan, syarikat penerbangan asing **tidak dibenarkan untuk membawa sebarang muatan dari Malaysia ke Balik Papan**. Bagi Laluan Balik Papan-Kuala Lumpur – Sydney pula, sekiranya syarikat penerbangan mempunyai muatan dari Balik Papan ke Kuala Lumpur dan Sydney, syarikat penerbangan tersebut dibenarkan untuk membawa kargo ke laluan Balik Papan – Kuala Lumpur dan Balik Papan - Sydney **tanpa sebarang uplift kargo bagi laluan Kuala Lumpur – Sydney**. Dalam hubungan ini, pihak DCA akan mendapatkan maklum balas daripada syarikat-syarikat

**penerbangan Malaysia berhubung permohonan syarikat penerbangan asing untuk *uplift* kargo dari Malaysia.**

- 3.4 Syarikat penerbangan tidak dibenarkan untuk *uplift* kargo selain daripada yang telah diistiharkan pada *cargo manifest* sahaja.
- 3.5 Ruangan kargo hanya boleh disewa khas oleh satu pelanggan sahaja.
- 3.6 Syarikat penerbangan perlu menggunakan perkhidmatan *ground handler* yang telah diluluskan oleh Kerajaan Malaysia bagi operasi di semua lapangan terbang di Malaysia.

#### **4. PENALTI**

4.1 Sekiranya mana-mana syarikat penerbangan yang telah diluluskan permohonan *charter* melanggar mana-mana satu syarat-syarat yang telah ditetapkan, tindakan yang sewajar boleh diambil seperti berikut:

- (i) kelulusan yang diberikan akan ditarik balik; dan/atau
- (ii) syarikat penerbangan tersebut akan disenaraihitamkan.

## 5. CARA-CARA MEMOHON

- 5.1 Setiap permohonan mestilah dibuat melalui borang [AT004](#).
- 5.2 Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan sama ada secara bertulis atau elektronik kepada Jabatan Penerbangan Awam (DCA) **seawat-lewatnya 7 hari bekerja dari tarikh cadangan penerbangan** dengan menyertakan dokumen-dokumen sokongan yang lengkap seperti berikut:
- a) salinan AOC dan spesifikasi operasi (*ops-specs*) yang dikeluarkan oleh negara masing-masing;
  - b) surat aku janji (*Letter of Commitment*) bahawa syarikat penerbangan tidak akan membawa kargo selain daripada kargo yang diisytiharkan di dalam *cargo manifest* (termasuk butiran lengkap berhubung kargo seperti jenis, dimensi, berat dan bilangan kargo);
  - c) *cargo manifest yang lengkap* (dikemukakan seawat-lewatnya **sehari selepas** dari tarikh penerbangan yang dipohon);
  - d) salinan *aircraft insurance*;
  - e) salinan dokumen pengesahan slot mendarat & berlepas dari *Airport Coordination* Malaysia bagi mana-mana penerbangan ke/dari lapangan terbang di Malaysia; dan

f) salinan *aircraft leasing agreement* (sekiranya berkaitan).

5.3 Selain daripada itu, syarikat penerbangan perlulah memastikan bahawa pihak syarikat penerbangan tidak mempunyai tunggakan Caj Kemudahan Pengebilan Udara (*Air Navigation Facility Charges/ANFC*) daripada DCA. Sekiranya ada, pemohon perlu menyelesaikan tunggakan sebelum permohonan diproses.

5.4 Permohonan akan diproses selepas syarikat-syarikat penerbangan memenuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan di perenggan 3, 4 dan 5.1 hingga 5.3 di atas.

## 6. PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN

6.1 Selepas menerima permohonan yang lengkap, DCA akan memaklumkan keputusan permohonan kepada pemohon melalui telex/fax/email/pos **selewat-lewatnya 2 hari sebelum tarikh cadangan penerbangan.**